

Berjenjang naik bertangga turun

P O L I T I K K E B A N G S A A N
D I N E G E R I S E M B I L A N

disusun oleh:

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
NEGERI SEMBILAN.

BIBLIOGRAFI

1. _____, UINO 10 Tahun, Kuala Lumpur,
2. Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Penerbitan Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur (1968).
3. Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Seremban (1961).
4. Amat Johari Moain, Sejarah Nasionalisme Maphilindo, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur (1969)
5. J E Nathan dan R O Winstedt, Negeri Sembilan History, Seremban (1912).
6. W G Shellabear, Sejarah Melayu, Oxford University Press, Kuala Lumpur (1967).
7. Abdul Manan Chik, Catatan PKMM, Beranang (1990)
8. Jahay^ya Alias, 10 Tokoh Kebangsaan Negeri Sembilan, (~~catatan~~ ringkas dan interbiu).
9. MAGERAN, Laporan Tragedi 13 Mei, Kuala Lumpur (1969)
10. Abdul Samad Idris, Askar Melayu 50 Tahun, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur (1983).
11. Buyung Adil, Sejarah Johor, DBP, Kuala Lumpur.
12. Dharmala N S, Pendekar Tiada Tandingan, Berita Minggu, Kuala Lumpur (18 Oktober 1981)
13. Wan Shamsuddin Mohd Yusoff, Sejarah Sastera Melayu Modern, Syarikat Kerjasama Kredit dan Permodalan Pegawai-pegawai Melayu Negeri Kedah Berhad, Alor Setar (1971)
14. Nur Dzai, Hingga ini Zaaba saja jadi pendeta, Mastika, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Kuala Lumpur (September 1972).
15. HUSSEIN ALI AD., Sejarah ASIAH "KONGKONG", Pustaka Pemon Press. Kota Bharu (1964)

Isi kandungan

1.	SEMANGAT MENENTANG PENJAJAH (1830 - 1900)...	1
	-Era Permulaan.....	13
	-Penglibatan Pembesar-Pembesar.....	21
	-Strategi Penjajah.....	33
	-Dasar-dasar Penindasan.....	42
2.	KEBANGKITAN MELAYU (1900 - 1940).....	46
	-Gerakan Pelopor Awal.....	58
	-Peranan Pondok Maadah di Pelangai.....	67
	-Melalui Penulisan.....	76
	-Bersatu Melalui Persatuan.....	88
	-Tunku Hussein Yahya dan PASPAM.....	92
	-Guru-guru Melayu di Negeri Sembilan...	96
3.	KEDATANGAN JEPUN (1940 - 1945).....	99
	-KMM di Kuala Pilah.....	107
	-Jepun dan Istana.....	113
	-Melawan Jepun.....	116
	-Rusuhan di Batu Kikir.....	124
4.	MELAYU DI Hujung TANDUK (1945 - 1950).....	134
	-PERMENAS Dihidupkan Semula.....	145
	-Tunku Muhammed.....	149
	-Wakil Ke Kuala Lumpur.....	154

-Zaaba Anak Kelahiran Negeri Sembilan...	160
-Rapat Baksasa di Seri Menanti.....	165
-Sokongan Anak Negeri Sembilan.....	168
5. MENUNGGU FAJAR MERDEKA (1950 - 1959).....	172
-Laungan di Kuala Kangsar.....	178
-Abdul Samad Idris: Anak Muda Jalung Berkeris.....	181
-Bahaman Shamsuddin: Disingkir ke Perak.	188
-Yusuf Badin: Diberi Amaran.....	192
-Abu Hanifah: Walk Out Anak Negeri Sembilan.....	196
-Pergolakan Menteri Besar.....	199
6. MENGISI KEMERDEKAAN (1959 - 1970).....	204
- Terlepas Kerusi Menteri Besar.....	209
-Speaker Dewan Undangan Negeri.....	214
-Rintis Hubungan ke Minangkabau.....	219
-Rusuhan 13 Mei.....	225

5. MENUNGGU FAJAR MERDEKA (1950 - 1959)

PERSIDANGAN UMNO di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Ogos 1951 adalah detik peralihan pucuk pimpinan UMNO, apabila Datuk Onn Jafar mengambil keputusan meletakkan jawatan. Dalam pemilihan jawatan Yang di-Pertua Agung UMNO, Tunku Abdul Rahman berjaya memenangi pertandingan mengalahkan dua lagi calon iaitu Haji Ahmad Fuad dan Mustapha Hussein.

Era Tunku amat jelas membawa UMNO menuju ke arah kemerdekaan tanah air. Sebelum itu UMNO pada persidangan pada 29 dan 30 Mac 1951 telah membuat ketetapan supaya dilantik seorang Melayu memegang jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Hinggalah Tunku menjadi Yang di-Pertua Agung UMNO barulah usul itu dikemukakan dalam Majlis Undangan Persekutuan, tetapi gagal mendapat sokongan kerana ahli-ahli UMNO di dalam majlis itu tidak mencukupi untuk ~~xxxx~~ mendapatkan majoriti.

Dalam bulan Disember 1951 apabila pilihanraya Municipality Kuala Lumpur diadakan, UMNO membentuk kerjasama dengan MCA dalam Parti Perikatan berjaya memenangi 9 kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Kemudiannya UMNO-MCA (Parti Perikatan) berjaya pula memenangi pilihanraya bagi Majlis Bandaran Johor Bharu, Muar, Segamat, Batu Pahat dan Kluang, semuanya di Johor.

Kerjasama UMNO-MCA ini menyebabkan kecurigaan di kalangan orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina dan sebaliknya, telah dapat dibendung. Persefahaman ini juga telah diterima oleh UMNO Kedah dan Negeri Sembilan, kerana selepas ini dalam pilihanraya peringkat Majlis Bandaram di Alor Setar, Sungai Petani dan Seremban Parti Perikatan mencapai kemenangan besar.

UMNO Perak adalah paling kuat menentang kerjasama MCA-UMNO ini disebabkan parti berkenaan melantik Dr Parcel menjadi penasihatnya. Lain-lain persatuan yang bergabung dengan UMNO ikut sama menentang ialah SEBERKAS (Kedah). Dr Parcel bukan sahaja membela orang-orang Cina di England, malah pernah menuduh di akhbar-akhbar bahawa orang-orang Melayu di Malaya tidak berlaku adil terhadap orang-orang Cina.

Di bawah Tunku, UMNO terus mendapatkan sokongan daripada lain-lain pertubuhan Melayu ~~di~~ di luar UMNO dalam apa juga tindakan menentang penjajah Inggeris. Apabila persidangan pada 3 April 1953 yang diadakan di Melaka mendesak Inggeris mengadakan pilihanraya, Tunku telah mempelawa beberapa buah pertubuhan Melayu ikut sama membuat desakan.

Pada 14 Ogos 1953, pertubuhan-pertubuhan Melayu menyahut seruan Tunku untuk hadir dalam persidangan khas di Johor Bharu. Persidangan yang dipengerusikan oleh Datuk Haji Muhd Noh Omar itu mencapai persetujuan untuk mendesak Inggeris mengadakan pilihanraya pada tahun 1954. Wakil-wakil yang hadir ialah:

a) Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

1. Tunku Abdul Rahman Putra
2. Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman
3. Haji Hassan bin Haji Yunus
4. Sardon bin Jubir
5. Bahaman bin Shamsuddin

6. Muhd Yassin bin Abdul Rahman
 7. Zulkifli bin Muhd Hashim
- b) Persatuan Islam SeMalaya (PAS)
1. Haji Ahmad Fuad
 2. Muhammad bin Haniff.
- c) Persatuan Melayu Semenanjung (A)
1. Ahmad bin Haji Rahim
 2. Haji Abdullah bin Haji Said
 3. Nazim bin Naim
- d) Persatuan Melayu Semenanjung (B)
1. Hashim bin Ghani
- e) Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan
1. Nik Hassan bin Nik Yehaya
 2. Nik Muhd Amin bin Ali
- f) Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan
1. Muhd Daud bin Haji Salleh
 2. Shukri bin Haji Muda
- g) Kesatuan Melayu Singapura
1. Suleiman bin Haji Siraj
 2. Muhd Sidek bin Haji Abdul Hamid .
 3. Muhd Tamimih bin Haji Omar
- h) Lembaga Kesatuan Melayu Johor
1. Haji Ariffin bin Haji Alias
 2. Syed Abu Bakar bin Abedullah al-'Akas
 3. Dr Hamzah bin Haji Taib

i) Kesetuan Melayu Johor

1. Abdul Rahman bin Haji Taib
2. Abdul Aziz bin Rabin
3. Muhammad bin Haji Taib

j) Persatuan Graduan Melayu

1. Ahmad bin Perang
2. Sulaiman bin Datuk Abdul Rahman.

Sekalipun persidangan itu tidak membawa perubahan besar kepada keputusan awal yang telah diambil oleh UMNO, tetapi era Tunku memperlihatkan UMNO tidak pernah membelakangkan orang-orang Melayu di luar UMNO dalam perjuangannya. Demikian juga dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, Tunku tetap mempelawa semua parti politik bekerjasama menentang penjajah Inggeris.

Pada 23 Ogos 1953 satu konvensyen diadakan di Kuala Lumpur disebut 'KONVENSYEN NASIONAL' bagi menggembeling tenaga semua kaum di negara ini menuntut kemerdekaan. Dalam konvensyen ini satu keputusan telah diisytiharkan berbunyi:

"...Kami, wakil-wakil pertubuhan siasah yang demokratik di-Tanah Melayu, dengan ini mengisytiharkan bahawa kami akan berusaha bagi mencapai dengan perlembagaan dan damai sebuah negara merdeka lagi berdaulat di dalam lingkungan British Commonwealth iaitu mengandungi semua negeri Melayu dan settelement yang pada masa ini terkenal sebagai Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai langkah untuk mencapai tujuan tersebut maka kami dengan ini menuntut supaya diadakan pilihanraya Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1954.

"Kami seterusnya mengaku dan berjanji bahawa kami akan:

- a) Mendirikan, menaungi dan mempertahankan dasar kerajaan sendiri yang bercorak demokrasi dan bertanggung-jawab.
- b) Mempertahankan kedudukan raja-raja Melayu sebagai ketua-ketua negara-negara yang berperlembagaan.
- c) Mendirikan, menaungi dan mempertahankan kebebasan beragama, kebebasan berfikir, kebebasan menyatakan fikiran dan kebebasan perhimpunan ramai dan berpersekutuan.
- d) Menimbang, menyesuaikan dan mendamaikan tuntutan-tuntutan bertelingkah dari kaum-kaum dan puak-puak serta memelihara hak-hak minoriti.

"Untuk memberi peluang kepada semua parti siasah berunding dan mengambil ketetapan bagi mencapai tujuan-tujuan yang diatas itu, perhimpunan ini dengan ini memberi kuasa kepada pengerusi atau seorang daripada naibnya mengikut susunan tarafnya dalam masa ketiadaan pengerusi - bagi mengadakan dari satu ke satu masa perhimpunan kebangsaan ini jika difikirkan mustahak ataupun jika diminta oleh separuh dari bilangan parti-parti siasah yang hadir di dalam perhimpunan ini."

Mereka yang hadir dalam 'Konvensyen Nasional' ini mewakili parti-parti politik termasuklah:

1. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

- i) Tunku Abdul Rahman Putra
- ii) Datuk (Tun) Abdul Razak Hussein
- iii) Dr Ismail Abdul Rahman
- iv) Sulaiman bin Abdul Rahman
- v) Haji Hassan bin Yunus
- vi) Sardon bin Haji Jubir

- vii) Abdul Aziz bin Ishak
- viii) Bahaman bin Shamsuddin
- ix) Abdul Rahman bin Talib
- x) Ali bin Haji Raya
- xi) Ghazali bin Jawi
- xii) Jaafer bin Haji Ali
- xiii) Wan Din bin Hashim
- xiv) Muhd Khir bin Johari

2. Persatuan Cina-Malaya (MCA)

- i) Datuk Tan Cheng Lock
- ii) Kolonel H S Lee
- iii) Leong Yew Koh
- iv) S M Yong
- v) Ong Yoke Lin
- vi) Chong Swee Thye
- vii) Ong Chin Seong
- viii) Ong Kang Sang
- ix) Lee Siew Joo
- x) Koh Chee Yan
- xi) Tan Poh Kim
- xii) Foo See Moi
- xiii) Leong Cheng Ling
- xiv) Chong Koon Lin.

3. Persatuan Melayu Semenanjung

- i) Hashim Chani
- ii) Ahmad bin Haji Abdul Rahim

4. Persatuan Islam Semalaya (PAS)

- i) Muhammad bin Haniff
- ii) Muhammad bin Awang

5. Persetiaan Melayu Kelantan

- i) Daud bin Haji Salleh
- ii) Saad bin Haji Muda.

Konvensyen Nasional ini telah melantik Tunku selaku pengerusi, dengan naibnya ialah Tan Cheng Lock. T H Tan dilantik menjadi setiausaha dan Abdul Aziz Ishak, penolong setiausaha. Persidangan itu juga membentuk jawatankuasa khas ~~bagi~~ merunding dan membuat syor-syor bagi perubahan di dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada:

1. Tunku Abdul Rahman Putra (UMNO)
2. Dr Ismail Abdul Rahman (UMNO)
3. Muhd Yassin Abdul Rahman (UMNO)
4. Muhd Daud Haji Salleh (Persetiaan Melayu Kelantan)
5. Ahmad bin Haji Abdul Rahim (Persatuan Melayu Semenanjung, Johor Bharu)
6. Kolonel H S Lee (MCA)
7. Leong Yew Koh (MCA)
8. S M Yong (MCA)
9. Tan Siew Sin (MCA)
10. Ong Yoke Lin (MCA)
11. T H Tan (setiausaha)
12. Abdul Aziz Ishak (penolong setiausaha)

Dalam dua perjumpaan ini Bahaman Shamsuddin ikut serta memainkan peranan ~~aktif~~ ke arah mencapai kemerdekaan tanah air. Dengan penglibatan Bahaman bermekna, anak Negeri Sembilan tidak ketinggalan dalam perjuangan awal menggugat Inggeris menuntut kemerdekaan ini.

LAUNGAN DI KUALA KANGSAR

Pekikan merdeka mula bergema dalam perjuangan UMNO, selepas satu usul diluluskan ^{untuk} menukar slogan 'Hidup Melayu' dalam persidangan agung UMNO di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Mac 1951. Usul tersebut dikemukakan oleh Pemuda UMNO berikutan dengan ucapan penangguhan yang disampaikan oleh wakil UMNO Kuala Pilah, Abdul Samad Idris dalam persidangan pada 27, 28 dan 29 Ogos 1950 di Kuala Kangsar.

Persidangan di Kuala Kangsar dianggap bersejarah kerana satu usul mengenai rang undang-undang kerakyatan telah diluluskan. Cadangan tersebut mendapat tentangan beberapa orang ahli jawatankuasa agung yang mahukan rang undang-undang ini ditangguhkan pelaksanaannya.

Cadangan mengenai kerakyatan ini telah dihantar oleh UMNO kepada kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri dalam bulan September 1950. UMNO telah melantik beberapa orang wakil untuk merundingkan perkara perlembagaan ini dengan kerajaan. Setelah mengadakan beberapa kali perundingan, majlis raja-raja Melayu juga ber-setuju mewujudkan undang-undang dengan membuka peluang kepada orang bukan Melayu mendapatkan kerakyatan negeri ini.

Di samping itu persidangan di Kuala Kangsar juga meluluskan usul supaya UMNO mewujudkan 'parliamentary group' yang tersusun daripada ahli-ahli UMNO yang bakal menjadi ahli Majlis Undangan Persekutuan dan majlis-majlis mesyuarat negeri. UMNO juga mendesak supaya gaji bagi askar dan polis diberi perhatian dalam masa menghadapi keadaan darurat yang kian memuncak.

Bagaimanapun suasana dalam persidangan di Kuala Kangsar itu agak muram dengan berita mengejut kematian seorang ahli perwakilan Ahmad bin Ariff dari SEBERKAS, Kedah. Ahmad Ariff dalam perjalanan untuk menghadiri persidangan tersebut telah ditembak mati dalam satu serang hendak komunis di Sungai Bakap, Seberang Perai.

Mungkin dalam keadaan suasana muram inilah pejuang-pejuang UMNO semakin tidak dapat menahan luapan semangat kemerdekaan, disebabkan gangguan komunis yang melancarkan pemberontakan bersenjata sejak bulan JUN 1948. Secara spontan wakil Kuala Pilah, Abdul Samad Idris telah menyuarakan supaya slogan 'Hidup Melayu' ditukar kepada 'Merdeka' apabila bangun membuat ucapan penangguhan.

Semenjak darurat diisytiharkan dalam bulan Jun 1948, beberapa kawasan di Negeri Sembilan juga menjadi sasaran keganasan komunis. Pada 8 April 1951 misalnya satu serang ~~hendap~~ hendap berlaku di Kongkoi, Kenaboi, Jelebu di antara jam 8 - 9 pagi yang mengorbankan 6 orang askar Melayu.

Selang seminggu selepas itu pada 16 April 1951 satu lagi serang hendap komunis berlaku di Jelondong, Jelebu waktu petang dengan mengorbankan 7 orang perajurit yang dipimpin oleh Leftenan Nayan. Tujuh orang perajurit ini telah dicincang lumat hingga tidak dapat dikenali lagi, dengan kemaluannya disumbatkan ke dalam mulut.

Perbuatan kejam komunis ini menjadikan rakyat Negeri Sembilan terlalu benci dengan ideologi komunisme yang tidak memberi apa-apa manfaat kepada rakyat. Tujuh orang perajurit yang dibunuh dengan kejam oleh komunis dalam serang hendap di hutan Jelondong itu ialah:

1. Koperal 2018 Abdul Hamid (signaller)
2. Perajurit 4576 Ali bin Talib
3. Perajurit 4676 Don bin Dahan
4. Perajurit 4573 Ismail bin Yusuff
5. Perajurit 3771 Mahmud bin Muhammad
6. Perajurit 5487 Abdul Hamid
7. Perajurit 3247 Ahmad bin Kudus.

Serang hendap komunis bukan sahaja dilakukan ke atas askar Melayu, malah kepada pasukan polis juga. Seramai 13 orang anggota polis telah dibakar hidup-hidup oleh komunis setelah dapat ditawan ketika serang hendap di Bukit Tinggi. Dalam beberapa serang hendap komunis ke atas pasukan keselamatan meninggalkan kesan pahit dan kebencian orang-orang Melayu terhadap pengaruh komunis terutama di kalangan orang-orang Cina.

Sekalipun kejadian serang hendap komunis di Negeri Sembilan berlaku selepas gema persidangan di Kuala Kangsar mengenai kerakyatan menjadi isu hangat, namun tahun 1950-an itu suasana darurat memang tegang. Pada 23 Februari 1950 misalnya segerombolan komunis telah membakar balai polis Bukit Kepong di Muar, dan membunuh 25 orang anggota polis dan orang awam.

Begitu juga dengan serangan ke atas askar Melayu di Sungai Yu, berhampiran Kuala Lipis dalam bulan Julai 1948, kemudian di Sungai Semur, Gua Musang di Kelantan dalam bulan April 1950. Keganasan komunis ini menambahkan benci orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina, sehingga isu kerakyatan itu menjadi perbincangan hangat di kalangan ahli-ahli UMNO.

Atas kesedaran inilah wakil UMNO Kuala Pilah, Abdul Samad Idris terlalu ghairah mahukan kemerdekaan segera, bagi membolehkan orang-orang Melayu menentukan masa hadapan negara mereka. Sebaik sahaja diberi peluang menyampaikan ucapan penangguhan di akhir persidangan di Kuala Kangsar itu pada 26 Mac 1951 itu, beliau secara spontan mendesak slogan 'hidup Melayu' ~~itu~~ ditukar kepada 'merdeka'.

A SAMAD IDRIS: ANAK MUDA JULUNG BERKERIS

Dalam gerakan politik Pemuda UMNO, nama Abdul Samad Idris amat menonjol. Beliau dipilih menjadi pengerusi tetap Pemuda UMNO Malaya semenjak di bawah pimpinan Sardon Jubir selaku ketua dan Haji Ahmad Badawi naib ketuanya. Di Negeri Sembilan memang beliau-lah merupakan tokoh Pemuda UMNO yang banyak memcinkan peranan menentukan haluan politik UMNO di Negeri Sembilan.

Bekas wartawan Utusan Melayu, Hussein Yaakob pernah menulis menyebut: Bahawa Abdul Samad Idris adalah tokoh Pemuda UMNO yang mencorakkan politik UMNO di Negeri Sembilan. Bukan sahaja kelontangan

suaranya, tetapi pengaruhnya boleh menggegarkan kedudukan seseorang tokoh yang cuba menentang arus politik di Negeri Sembilan. Tanggapan wartawan Hussein Yaakob ini amat sesuai dengan tuduhan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang menyifatkan Abdul Samad Idris adalah di antara tokoh UMNO 'ultra-Melayu' di samping Dr Mahathir Mohamad, Syed Jaafar Albar dan Syed Nasir Ismail sekitar tahun 1960-an dulu.

Dilahirkan di Kampung Tanah-Datar, Seri Menanti pada 6 Oktober 1923, Abdul Samad adalah daripada keluarga bukan bangsawan. Ketika dilahirkan namanya ialah Abu Samah, tetapi telah ditakdirkan nama Abdul Samad itulah yang menjulang kedudukannya dalam bidang politik tanah air.

Abdul Samad mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu hingga tamat darjah 5 di kampungnya. Beliau telah dicalonkan oleh gurunya sebagai murid yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajarannya ke-Maktab Melayu Kuala Kangsar, sayangnya telah ditolak oleh pihak pentadbir Inggeris disebabkan beliau bukan anak kalangan bangsawan.

Disebabkan tidak dapat melanjutkan pelajaran, bapanya menasihatkan beliau supaya menjadi guru. Beliau memasuki 'darjah latihan' untuk membolehkannya dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Abdul Samad meninggalkan 'darjah latihan' kerana tidak berminat menjadi guru, lantas berhijrah ke Kuala Lumpur dan memasuki sebuah sekolah private iaitu Brickfield Road English School sehingga pecah perang dunia kedua.

Dalam masa pendudukan Jepun, beliau belajar di 'Shihang Gakko' di Seremban bagi membolehkannya menjadi guru bahasa Jepun. Sewaktu mengikut latihan di Shihang Gakko ini pihak Jepun telah menanamkan semangat benci kepada Inggeris di bawah lambang 'Asia no Asia' (Asia untuk orang Asia).

Sewaktu dilantik menjadi setiausaha sambutan orang-orang Melayu menentang Malayan Union di hadapan istana besar Seri Menanti, beliau hanya berumur 23 tahun dan masih belum menjadi ahli UMNO. Tetapi selepas perhimpunan itu Abdul Samad terus menyertai UMNO di Seri Menanti dan dilantik menjadi setiausaha.

Sikap 'anek muda julung berkeris' menguasai dirinya menjadikan beliau bersuara lantang dalam mana-mana persidangan UMNO, sekalipun sifat semula jadinya adalah seorang yang pendiam. Keberaniannya juga membolehkan Abdul Samad cepat meningkat, apabila Pemuda UMNO dibentuk beliau dipilih menjadi ketua Pemuda di Kuala Pilah dan seterusnya di Negeri Sembilan.

Pemuda UMNO di Kuala Pilah dipimpin oleh Salleh Bakar seorang kaki tangan kerajaan yang berpengaruh ketika ditubuhkan. Tahun berikutnya pemuda-pemuda telah mendesak Abdul Samad bertanding menentang Salleh Bakar. Beliau berjaya merebut jawatan ketua Pemuda UMNO Kuala Pilah, dan kedudukannya ketika ini belumlah ditetapkan sebagai 'bahagian Kuala Pilah'.

Dalam tahun 1946 ini ketua UMNO Kuala Pilah ialah Zainal Abidin Endut iaitu ADO Kuala Pilah. Tahun berikutnya beliau digantikan pula oleh Lokman Yusuff (Allahyarham, kemudiannya Datuk Bandar Kuala Lumpur). Dalam tahun 1947 UMNO Kuala Pilah dipimpin oleh Haji Abdullah bin Hassan dengan setiausahanya Muhd Idris bin Matsil. Ketika ini perkembangan UMNO Kuala Pilah bolehlah dianggap sebagai perkembangan peringkat negeri juga, disebabkan pengaruh UMNO bertapak kuat di Kuala Pilah.

Abdul Samad tokoh pemuda ini melonjak naik seiring dengan pemimpin-pemimpin lain dalam UMNO Kuala Pilah kerana pidatonya yang berani. Akibatnya beliau hampir menjadi mangsa penangkapan beramai-ramai dalam masa darurat diisytiharkan dalam bulan Jun 1948. Beberapa

orang anggota polis telah menggeledah rumahnya atas tuduhan mengadi-ahli PETA.

Selepas pendudukan Jepun, Abdul Samad tidak menyertai perkhidmatan kerajaan. Beliau lebih berminat kepada perniagaan hingga berjaya menubuhkan MALAY TRANSPORT KUALA PILAH, sebuah syarikat pengangkutan Melayu yang kedua di Tanah Melayu, selepas pengangkutan bas di Kota Bharu, Kelantan. Di samping berniaga Abdul Samad juga ter- babit dalam bidang penulisan dan persuratan.

Sekitar tahun 1950-an beliau menubuhkan Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan (ASAS Negeri) bersama rakan-rakannya Muhd Shariff Fakeh, Abu Bakar Yunus, Abdul Majid Abdul Wahab, Muhd Yusuff Arshad, Hashim Amir Hamzah, Mustapha Kamal Yassin (Kala Dewata) dan lain- lain.

Beliau juga mewakili Negeri Sembilan menghadiri KONGRES PERSURATAN MELAYU pertama di Singapura tahun 1951. Kemudiannya Kongres Persuratan Melayu diadakan di Seremban tahun 1952, dengan ASAS NEGERI menjadi tuan rumah. Abdul Samad dipilih pula menjadi pengerusi panatia bagi kongres tersebut.

Sebagai tokoh agresif memang wajar Abdul Samad memimpin Pe- muda UMNO Negeri Sembilan. Kegiatannya tidak terbatas dalam bidang politik dan perniagaan sahaja, tetapi meliputi bidang kewartawanan. Beliau menjadi pemberita akhbar MAJLIS sehingga tahun 1950, dan ke- mudiannya berkhidmat dengan UTUSAN MELAYU. Setelah menjadi Ahli Maj- lis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Sembilan selepas pilihanraya 1955, beliau terus kekal dengan kerjayanya sebagai wartawan di Utusan Melayu.

Melalui akhbar MAJLIS beliau dikenali sebagai penulis pojok 'MAT BELANTAN' dan 'SI LUNCAI'. Oleh itu suara beliau tidak terbatas dalam mesyuarat-mesyuarat UMNO sahaja, tetapi diselurkan melalui tu- lisan-tulisannya di akhbar.

Atas sebab-sebab keberaniannya dan kelantangan suaranya UMNO Kuala Pilah telah memilihnya menjadi salah seorang perwakilan ke-persidangan di Kuala Kangsar pada 27, 28 dan 29 Ogos 1950. Dalam usianya 27 tahun ketika itu Abdul Samad sudah nampak dengan jelas bahawa slogan 'hidup Melayu' tidak perlu lagi disebabkan orang Melayu memang 'sudah hidup'.

Dilema Melayu ketika itu adalah semangat kemerdekaannya sudah mati. Dalam masa yang sama Abdul Samad juga tertarik dengan slogan parti lawan iaitu PKMM yang sememangnya 'merdeka'. Sementara sayap pemudanya API di bawah pimpinan Ahmad Boestaman pula mengukuhkan slogan itu kepada 'merdeka dengan darah'!

Tetapi Abdul Samad mempunyai percaturan politiknya sendiri. Beliau sedar PKMM dan API sudah diharamkan oleh Inggeris sebaik sahaja darurat diisytiharkan. Sekiranya slogan UMNO ditukar kepada 'merdeka' memang ada risikonya, tetapi kemungkinan besar ahli-ahli atau bekas ahli-ahli PKMM dan API akan menyertai UMNO apabila slogan 'merdeka' itu ~~xxx~~ dapat diserapkan ke dalam UMNO.

Percaturan politik Abdul Samad ini berjaya, kerana selepas slogan UMNO ditukar kepada 'merdeka', ramai bekas ~~xxxx~~ ahli-ahli PKMM dan API menyertai UMNO. Di antaranya termasuklah Abdul Ghafar Baba dari Melaka. Sebaik sahaja menyertai UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, kekuatan UMNO di Melaka bertambah teguh dengan penglibatan Ghafar Baba ini.

Akhbar Utusan Melayu dalam laporannya mengenai ucapan Abdul Samad Idris ini menyebut:

"... Kuala Kangsar 29 Ogos - Encik Abdul Samad Idris wakil UMNO Kuala Pilah di dalam ucapan penungguhan majlis agung UMNO seluruh Malaya yang bersidang di sini hari ini telah mengemukakan satu syor supaya UMNO menukar seruan 'hidup Melayu' ke-

pada seruan 'merdeka' kerana katanya dengan pertukaran itu UMNO lebih tepat dan cepat kepada tujuannya yang tertulis di dalam undang-undang tubuhnya yang berbunyi: Menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan mendirikan sebuah kerajaan yang memerintah dengan merdekanya di Malaya.

Orang Melayu telah hidup tetapi jiwanya belum merdeka. Jikalau seruan 'hidup Melayu' ditukar menjadi seruan 'merdeka' maka mungkin ia dapat mengkobarkan semangat orang Melayu untuk merdeka, kata Encik Abdul Samad Idris.

Lebih jauh beliau meminta supaya UMNO mengirim sepucuk kawat tahniah kepada Presiden Sukarno kerana kejayaan pemerintah yang diketuainya menyatukan seluruh kepulauan Indonesia di bawah satu negara kesatuan dan telah mendapat kemerdekaan penuh sebagaimana yang telah diingini oleh rakyat Indonesia..."

Di samping Abdul Samad Idris, seorang wakil dari Perlis Abdul Jamil Rais pula menyelar kerajaan Inggeris kerana tidak memberi peluang kepada anak-anak Melayu memegang jawatan tinggi dalam kerajaan. Ini membuktikan sehingga tahun 1950 diskriminasi terhadap anak peribumi berterusan diamalkan oleh Inggeris.

Egaimanapun rencana pengarang UTUSAN ZAMAN pada 3 September 1950 telah menyifatkan syor Abdul Samad Idris itu belum sesuai untuk dijadikan slogan. Rencana pengarang itu juga mengkritik syor tersebut dengan menegaskan:

"...Di dalam undang-undang tubuh UMNO kata Encik Abdul Samad Idris wakil UMNO Kuala Pilah di dalam ucapan penungguhan di majlis agung UMNO seluruh Malaya di Kuala Kangsar kelmarin, ada tertulis perkataan-perkataan sebagai berikut: Menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan mendirikan sebuah kerajaan

yang merdeka, untuk lebih menepati dan lebih cepat mendekati tujuan ini, kata Encik Abdul Samad lagi, eloklah UMNO menukar semboyan kebangsaannya dari 'hidup Melayu' kepada seruan 'merdeka'.

Syor ini diusulkan oleh wakil Kuala Pilah itu ketika mesyuarat agung itu sudah membuat ketetapan-ketetapan atas perkara-perkara yang di dalam agenda sekadar tinggal bersurai sahaja. Jadi undian tidaklah diambil dalam syor itu sungguhpun demikian syor Encik Abdul Samad ini penting dan besar ertinya kerana beberapa sebab.

Syor Encik Abdul Samad itu barangkali tidak akan diterima oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang lain atas alasan bahawa UMNO sekarang sekadar menjalankan ikhtiar dan langkah 'untuk mendirikan sebuah kerajaan yang bertaraf pemerintahan sendiri'. Sebagai langkah pertama mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka, dalam hal yang demikian, syor Encik Abdul Samad itu boleh ditolak dengan hujjah bahawa semboyan perjuangan 'merdeka' untuk UMNO sekarang belumlah kena pada tempat dan masanya kerana cita-cita UMNO yang dekat ialah taraf pemerintahan sendiri dengan cita-cita mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka merupakan cita-cita yang jauh..."

Demikian pandangan akhbar-akhbar terhadap syor Abdul Samad Idris. Tetapi sejarah tidak dapat menolak bahawa syor tersebut telah dijadikan usul oleh Pemuda UMNO dalam persidangan di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 ^{Mac} ~~Agos~~ 1951. Akhbar dan pengarangnya juga tidak dapat membendung kehendak orang Melayu, apabila Gharieb Raof dipilih oleh Pemuda UMNO untuk membentangkan usul menukar slogan 'hidup Melayu' kepada 'merdeka'.

BAHAMAN SHAMSUDDIN: DISINGKIR KE PERAK

Apabila UMNO Perhubungan Negeri mula dibentuk tahun 1948, Negeri Sembilan tidak kekurangan pemimpin setelah Tunku Muhammad bin Tunku Besar Burhanuddin tidak lagi berkhidmat di Negeri Sembilan. Ketika ini DO Seremban, Bahaman Shamsuddin aktif menggerakkan UMNO. Oleh itu beliau telah dipilih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Sembilan yang pertama tahun 1948 itu.

Nama Bahaman memang tidak menonjol dalam gerakan politik ketika itu disebabkan beliau merupakan kaki tangan kerajaan. Beliau juga tidak aktif dalam Persatuan Melayu Negeri Sembilan (PERMENAS) sebelum itu, kalau dibandingkan dengan Ibrahim Haji Mansor. Bahaman dilahirkan di Kuala Pilah tahun 1906, adalah di antara tokoh UMNO yang setia kepada Tunku.

Malah Almarhom Tunku sendiri mengakui hanya Bahaman Shamsuddin sahaja pegawai kanan kerajaan yang berjuang bersama UMNO ketika Datuk Onn meninggalkan UMNO. Selepas Datuk Onn meninggalkan UMNO, pegawai-pegawai tinggi kerajaan adalah sasaran utama yang menerima tekanan sama ada berhenti daripada UMNO atau dipaksa meletakkan jawatan.

Sebagai kaki tangan kerajaan Bahaman Shamsuddin tidaklah terbabit dalam gerakan politik kiri sebelum perang. Beliau hanya menyertai UMNO sebaik sahaja ditubuhkan dalam bulan Mei 1946. Disebabkan ketokohan ~~XX~~ Tunku Muhammad di Negeri Sembilan begitu berpengaruh, tidak ramai yang nampak akan bakat kepimpinan Bahaman Shamsuddin.

Sebaik sahaja dipilih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Sembilan tahun 1948, Bahaman tidak melepaskan jawatannya sebagai DO Seremban. Malah setiap kali diadakan mesyuarat UMNO Negeri Sembilan di rumah beliaulah mesyuarat itu diadakan, sekalipun rumah rasmi kerajaan.

Tanggungjawab Bahaman ialah meluaskan pengaruh UMNO di Negeri Sembilan. Disebabkan belum ramai ahli UMNO maka kawasan yang ditetapkan ialah beberapa bahagian sahaja, tetapi tidaklah sama dengan bahagian UMNO sekarang. Seremban disatukan dengan Jelevu dan Port Dickson, bahagian Kuala Pilah disatukan dengan Jempol dan Rembau bersama Tampin dikenali sebagai Negeri Sembilan Selatan.

Dalam tahun 1948 UMNO Seremban melebarkan sayap dengan menubuhkan cawangan Kuala Klawang di Jelevu. Ibrahim Haji Mansur dilantik menjadi ketua cawangan Kuala Klawang, dengan Muhammad bin Ujang setiausahanya. Lain-lain yang terbabit dalam penubuhan UMNO cawangan Kuala Klawang ini ialah: Ahmad bin Haji Abdul Rahim (Ahmad Treasing), Haji Abdul Rahman MBE, Syed Hashim bin Syed Ali, Syed Alwi bin Syed Idrus (Datuk Ombi), Abdul Maneff (Petaseh), Haji Muhd Isa (bekas kadhi), Ariffin Kadir, Ismail (Tembun), Karim Pongkok, Daud Haji Ahmad, Haji Dusak, Datuk Dagang Sulaiman dan Datuk Menteri Kilau.

Semasa perpecahan UMNO berikutan perletakan jawatan Datuk Onn tahun 1951, UMNO cawangan Kuala Klawang terus kekal dipimpin oleh Ibrahim Haji Mansur dengan Daud Haji Ahmad menjadi setiausaha. Gandingan Ibrahim Haji Mansur dan Daud Haji Ahmad ini kekal sehingga tahun 1957, apabila Daud Haji Ahmad pula meninggalkan UMNO dengan menyertai PAS.

Tetapi Bahaman Shamsuddin yang diberi tanggungjawab memimpin UMNO Perhubungan Negeri Sembilan beberapa kali diberi amaran oleh penjajah Inggeris supaya memilih antara dua: Sama ada kekal dalam UMNO atau diambil tindakan disiplin sebagai kaki tangan kerajaan. Bahaman tidak menghiraukan amaran tersebut, sehingga beliau terpaksa ditukarkan ke Teluk Anson (Teluk Intan), di Perak.

Langkah Inggeris menukarkan Bahaman Shamsuddin ke Teluk Intan, tidak melemahkan perjuangan orang Melayu di dalam UMNO Negeri Sem-

bilan. Datuk Abdul Jalil Aminuddin telah mengambil alih kepimpinan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan bagi menghadapi tekanan daripada penjajah Inggeris. Beliau merupakan pegawai polis yang telah bersara dan tidak bimbang menghadapi tekanan penjajah mengenai kedudukan jawatannya.

Di Teluk Intan, Bahaman Shamsuddin memimpin UMNO di bahagian berkenaan, di samping menjadi tenaga penggerak yang aktif. Sebagai DO memang hubungannya dengan masyarakat keliling begitu berpengaruh. Tidak hairanlah dalam tahun 1955, Bahaman Shamsuddin dipilih bertanding dalam pilihanraya di kawasan Teluk Anson.

Dalam pilihanraya 1955 itu Bahaman Shamsuddin mendapat 10,514 undi mengalahkan calon PAS merupakan anak tempatan di situ iaitu Haji Hassan Adli bin Haji Arshad yang hanya mendapat 3,812 undi. Oleh itu langkah Inggeris menyingkirkan beliau ke Perak membuktikan pengaruhnya tidak luntur dalam perjuangan UMNO.

Abdul Aziz Ishak dalam bukunya RIWAYAT HIDUP TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA menulis, Bahaman Shamsuddin adalah orang yang bertanggungjawab memujuk Tunku Abdul Rahman supaya memimpin UMNO menggantikan Detuk Onn. Abdul Aziz dalam bukunya itu menulis:

"...Tunku Abdul Rahman telah dipilih dengan suara terbanyak menjadi Yang di-Pertua Agung UMNO pada pukul 10.05 pagi hari Ahad 26 Ogos 1951.

"Sungguhpun dia telah lama bercita-cita hendak meninggalkan jawatan kerajaan, untuk berkhidmat kepada rakyat tetapi tidak berapa hari sebelum tarikh yang bersejarah itu Tunku masih belum dapat menentukan pendiriannya sama ada menerima atau tidak pencalonan sebagai Yang di Pertua Agung UMNO.

"Datuk Razak dan Encik Bahaman bin Shamsuddin telah berjumpa dengan Tunku pada pagi dia dicalonkan itu memintanya menerima pen-

calonan tersebut. Tunku kemudiannya telah menerima dan Encik Bahamen sendiri yang mencadangkannya menjadi Yang di-Pertua Agung UMNO...'

Bahamen Shamsuddin juga merupakan salah seorang barisan pimpinan UMNO sebaik sahaja Tunku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO. Malah beliau terus kekal bersama Tunku dalam pucuk pimpinan UMNO di samping Tun Abdul Razak dan Syed Nasir Ismail, sehingga beliau bersara dari politik dalam tahun 1969. Mereka yang dipilih dalam pucuk pimpinan UMNO sebaik sahaja Datuk Onn meletakkan jawatan ialah:

1. Tunku Abdul Rahman Putra - Yang di-Pertua Agung
2. Datuk Abdul Razak Hussein - Timbalan Yang di-Pertua Agung.
3. Cik Muhd Yusoff - Naib Yang di-Pertua Agung
4. Datuk Nik Ahmad Kamil - Jawatankuasa
(Kelantan)
5. Haji Ahmad Fuad Hassan - Jawatankuasa
(Terengganu)
6. Datin Puteh Mariah - Jawatankuasa
(Kuala Lumpur)
7. Naseruddin Rais (Perak) - Jawatankuasa
8. Bahamen Shamsuddin - Jawatankuasa
(Negeri Sembilan)
9. Syed Nasir Ismail (Johor) - Jawatankuasa
10. Haji Mohd Noh Omar - Pengerusi Tetap.

Bagaimanapun Tunku dalam satu wawancara menjelaskan orang yang bersungguh-sungguh memujuknya supaya memimpin UMNO ialah Sheikh Ahmad dari ~~Perlis~~ Perlis/dan ahli-ahli Persetuan Graduan Melayu Johor yang diketuai oleh Sulaiman Abdul Rahman. Apapun pergolakan dalam UMNO ketika itu peranan Bahamen Shamsuddin dalam mempastikan kemenangan

Tunku memenangi jawatan Yang di-Pertua Agung UMNO.

Sekalipun Bahaman Shamsuddin tidak pernah dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu seperti rakan-rakannya yang lain iaitu Datuk Abdul Razak, Dr Ismail, Abdul Aziz Ishak, Mohd Noh Omar dan Tunku sendiri, tidaklah bermakna beliau kurang diyakini oleh Tunku Abdul Rahman.

Sebaik sahaja memenangi pilihanraya tahun 1955, Bahaman terus dilantik menjadi Menteri Muda Kanan Kementerian Dalam Negeri. Selepas merdeka beliau dilantik menjadi menteri kabinet, dan UMNO Negeri Sembilan menjemputnya balik untuk bertanding di kawasan Parlimen Kuala Pilah dalam pilihanraya 1959.

YUSUFF BADIN: DIBERI AMARAN

Tekanan Inggeris terhadap pemimpin-pemimpin UMNO di Negeri Sembilan membabitkan sesiapa sahaja yang berkhidmat dengan kerajaan. Setelah Bahaman Shamsuddin disingkirkan ke Teluk Intan, lain-lain pemimpin UMNO yang berkhidmat dengan kerajaan sentiasa menerima risiko. Kebanyakan mereka yang bersemangat ini pula terdiri daripada kalangan guru-guru termasuk Cikgu Muhd Noor Abdul Hamid dari Rantau dan Cikgu Yusuff Badin dari Lenggeng.

Cikgu Yusuff menyertai UMNO Seremban yang dipimpin oleh Tunku Muhammad, Bahaman Shamsuddin, Haji Tahir, Zainal Abidin Lati dan Abu Henifah Abdul Ghani (Datuk Raja). Ketika ini UMNO Negeri Sembilan meliputi tiga kawasan sahaja iaitu:

1. Seremban (meliputi Jelebu, Port Dickson dan Seremban dan disebut juga Negeri Sembilan Utara)
2. Kuala Pilah
3. Negeri Sembilan Selatan.

Di Kuala Pilah barisan pimpinan UMNO lebih muda selain daripada ketuanya Muhd Idris Mat Sil, kalau dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin di Seremban. Mereka yang memimpin UMNO Kuala Pilah ini ter-

diri daripada Abdul Samad Idris, Ariffin Ali, Abdul Kadir Abdullah dan Mansur Abdullah. Sementara di Negeri Sembilan Selatan pula barisan pemimpinnya ialah Wahab Idris, Baba Ludek dan Taha Talib.

Disebabkan kelantangan suara pemimpin-pemimpin muda dalam UMNO di Kuala Pilah, Cikgu Yusuff Badin memilih isu bahasa dan pendidikan anak-anak Melayu menjadi matlamat perjuangannya. Beliau bersama rakan-rakannya Cikgu Muhd Noor Hamid melalui kesatuan guru-guru Melayu menjadikan isu bahasa sebagai landasan perjuangannya sejak tahun 1947 lagi.

Satu memorandum telah dihantar kepada kerajaan Inggeris supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi di semua peringkat. Empat perkara ditekankan oleh Cikgu Muhd Yusuff dan rakan-rakannya dalam memorandum itu ialah:

- o Dasar pelajaran kebangsaan.
- o Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi.
- o Mewujudkan sekolah-sekolah menengah Melayu di seluruh negara.
- o Bantuan biasiswa kepada anak-anak Melayu yang layak, terutama di kalangan anak-anak luar bandar.

Dengan memorandum ini, Cikgu Yusuff telah dipanggil ke pejabat menteri besar untuk bertemu Datuk Abdul Malik Yusuff, menteri besar ketika itu. Datuk Malik menyifatkan cadangan yang terkandung dalam memorandum tersebut sebagai angan-angan kosong kerana bangsa Melayu masih mundur dalam segala bidang.

"Anak-anak Melayu belum mampu memegang jawatan penting dalam kerajaan, walaupun diberi pendidikan menengah," tegas Datuk Malik menyindir. Sikap Datuk Malik ini menyebabkan Cikgu Yusuff tidak dapat

menahan sabar. Apalagi beliau memang memahami latar belakang Datuk Malik, malah beberapa kali melindungkannya dalam masa pendudukan Jepun.

"Datukpun bukan berkelulusan tinggi," ujar Cikgu Yusuff tersinggung apabila kedudukan anak-anak Melayu dipandang rendah oleh pemimpin Melayu sendiri. "Kalau datuk hanya lulus darjah tujuh boleh jadi menteri besar, apa salahnya kita cuba anak-anak Melayu diberi pendidikan menengah?" katanya meluahkan perasaan yang mendongkol dalam lubuk hatinya.

Terdiam Datuk Malik dengan jawapan keras Cikgu Yusuff. Tetapi sebagai pegawai didikan Inggeris yang banyak bersikap diplomasi, beliau mudah mengawal perasaan marah Cikgu Yusuff. Kemudian dengan melirik senyum Datuk Malik menuturkan:

"Semangat macam cikgu inilah yang kita harapkan untuk membela nasib anak-anak Melayu, tetapi kalau disebabkan semangat cikgu yang meluap-luap boleh menyebabkan Inggeris bertindak, tentulah semangat itu akan musnah di tengah perjalanan. Saya akan berdiri di belakang cikgu kalau semangat ini dilaksanakan macam menarik rambut dalam tepung, rambutnya jangan putus tepungnya jangan berserak."

Memang Cikgu Yusuff menyedari kata-kata Datuk Malik itu sekejap mahu memujuknya supaya tidak bersikap agresif. Tetapi beliau menyedari punca sebenarnya anak-anak Melayu tidak bersemangat mahu merebut kemerdekaan adalah disebabkan kurangnya pendidikan. Kebanyakan anak-anak Melayu yang tidak berpendidikan lebih banyak bersikap passif dengan menyerahkan segalanya kepada nasib.

Semangat kebangsaan Cikgu Yusuff berterusan bukan sahaja dalam isu bahasa dan pendidikan, tetapi dalam tahun 1957 beliau terbabit dalam krisis kerakyatan dan jos suli hingga menyebabkan perwakilan UMNO Negeri Sembilan bertindak menentang Majlis Tertinggi. Cikgu Yusuff

adalah di antara wakil yang berucap menentang isu kerakyatan dan jos suli yang dibentangkan oleh Majlis Tertinggi.

"Sebenarnya saya sendiri tidak dapat lagi mengawal perasaan dan ucapan saya lahir secara spontan," tegas Cikgu Yusuff (sekarang datuk) apabila mengingatkan semula peristiwa perwakilan UMNO Negeri Sembilan mengambil keputusan 'walk out' dalam persidangan di Kuala Lumpur itu.

Bagaimanapun setelah persidangan UMNO menerima usul kerakyatan dan jos suli itu, Cikgu Yusuff tidak lagi membantah disebabkan keputusan tersebut adalah secara majoriti. Beliau bersama rakan-rakannya yang lain seperti Abdul Samad Idris, Ariffin Ali, Taha Talib dan beberapa orang lagi bersetuju menerima keputusan tersebut setelah diberi penerangan oleh pucuk pimpinan UMNO yang datang sendiri ke Seremban.

Sebaliknya kumpulan yang dipimpin oleh Datuk Raja Abu Hanifah tidak mahu menerima keputusan majoriti. Mereka tetap dengan keputusan awal apabila mengambil sikap 'walk out' semasa persidangan di Kuala Lumpur. Datuk Raja Abu Hanifah kemudiannya membawa rakan-rakannya menyertai PAS untuk meneruskan perjuangannya menentang undang-undang kerakyatan dan jos suli itu.

Kehampaan memang terbayang dalam jiwa Cikgu Yusuff Badin, kerana undang-undang kerakyatan itu bermakna menerima semula syor yang tercatat dalam MALAYAN UNION iaitu menerima semua mereka yang lahir di negara ini menjadi warganegara. Oleh itulah Cikgu Yusuff kemudiannya lebih aktif dalam kesatuan guru-guru daripada politik UMNO.

Di sebalik kehampaannya, Cikgu Yusuff masih dapat berbangga kerana sebahagian besar syor dalam dasar pelajaran kebangsaan yang dikenali sebagai 'PENYATA RAZAK' adalah berasaskan kepada memorandum guru-guru Melayu yang dihantar kepada kerajaan Inggeris dalam tahun 1947. Dengan ini perjuangan beliau mendauletkan bahasa Melayu dan mewujudkan sekolah menengah Melayu tidaklah sia-sia.

ABU HANIFAH: 'WALK OUT' ANAK NEGERI SEMBILAN

Di antara tokoh muda yang bersuara lantang dalam Pemuda UMNO Negeri Sembilan ialah Abu Hanifah bin Abdul Ghani. Beliau merupakan setiausaha ^{Perhubungan} Pemuda ^{itu} UMNO Negeri Sembilan ketika ~~ditubuhkan~~ dengan ~~Abdul Samad Idris~~ ^{Matsil} dari Kuala Pilah menjadi ketuanya. Abu Hanifah berasal dari Rasah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Datuk Syahbandar Abdul Rahman seorang pembesar Melayu di Sungai Ujong. Malah ada kaitan persaudaraan dengan mufti Negeri Sembilan ketika itu Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhd Said.

Beliau telah dilantik menjadi datuk lembaga dalam pentadbiran adat di Sungai Ujong dengan memegang pesaka bergelar DATUK RAJA, disamping mempunyai hak mewarisi pesaka Datuk Syahbandar juga. Sehingga akhir hayatnya beliau kekal dengan gelaran Datuk Raja itu. Memang bagi penduduk-penduduk di Rasah pengaruh Datuk Raja Abu Hanifah tidak boleh dinafikan.

Dalam tahun 1955 beliau menang di kerusi Dewan Undangan Negeri Sembilan kawasan RANTAU, menjadi wakil rakyat yang dipilih melalui pilihanraya. Tetapi detik hitam Datuk Raja Abu Hanifah bersama UMNO bermula dalam tahun 1957 sewaktu menghadiri persidangan UMNO Malaya di Kuala Lumpur, apabila beliau mengetuai 10 orang perwakilan Negeri Sembilan bertindak 'walk out'.

Perwakilan Negeri Sembilan menentang usul mengenai undang-undang kerakyatan yang dikemukakan oleh Majlis Tertinggi menjelang tarikh kemerdekaan. Mereka mempunyai alasan kuat menentanginya kerana isu kerakyatan inilah juga menyebabkan Datuk Onn merajuk dan meninggalkan UMNO dalam tahun 1950.

Di antara 10 orang perwakilan Negeri Sembilan yang bertindak 'walk out' itu termasuklah Datuk Raja Abu Hanifah sendiri, Cikgu Yusuff Badin, Abdul Samad Idris, Abdul Kadir Abdullah, Ariffin Ali,

Taha Talib, Cikgu Muhd Noor Hamid dan Idris Matsil. Datuk Raja Abu Hanifah dan Cikgu Yusuff Badin telah mengambil bahagian membahaskan usul tersebut sebelum mereka bertindak keluar meninggalkan persidangan.

Datuk Onn dalam Majlis Mesyuarat Agung (Perhimpunan Agung) UMNO di Kuala Lumpur pada 20 dan 21 Mei 1950 pernah menyentuh isu kerakyatan ini dengan menegaskan:

"...Pada hari ini orang-orang yang diperanakan di Pulau Pinang dan Melaka itu kesemuanya boleh mengaku dirinya rakyat British oleh kerana kerajaan British itu ada undang-undangnya yang bertulis yang dikatakan 'British Nationality Act' yang diluluskan pada tahun 1948 - bukannya bermakna tidak ada undang-undang terlebih dahulu sekadarnya undang-undang yang akhirnya yang diperbuat.

Tetapi di dalam negeri-negeri Melayu tidak ada undang-undang yang seumpama itu yang menentukan siapa dia rakyat raja atau rakyat negeri itu melainkan kita mengambil faham sahaja mengatakan diri saya ini Johor, Tengku itu rakyat Negeri Sembilan dan tuan rakyat negeri di mana tuan diperanakan. Kita mengambil faham tetapi tidak ada undang-undang yang sah menentukan demikian itu.

Maka jika sekiranya tidak ada undang-undang yang seumpama itu maka terpakailah undang-undang dunia itu bagaimana pada tahun 1932, seorang Cina peranakan Negeri Sembilan telah dibicarakan di dalam mahkamah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada waktu itu dan mahkamah itu telah dapati iaitu kerana tidak ada undang-undang yang menentukan dengan tepatnya siapa

rakyat negeri itu maka dipakainya undang-undang dunia itu, dan disahkan Cina itu peranakan dan iaitu menjadi rakyat Negeri Sembilan..."

Penentangan perwakilan UMNO Negeri Sembilan terhadap undang-undang kerakyatan itu bagi membolehkan orang-orang bukan Melayu diterima menjadi warganegara. Sekiranya tidak ada undang-undang kerakyatan yang sah, maka Inggeris tentulah mendesak supaya dilaksanakan 'UNDANG-UNDANG DUNIA' atau JUS SOLI iaitu: Undang-undang yang mengatakan barang siapa yang diperanakkan di dalam sebuah negeri maka orang itu menjadilah rakyat negeri itu.

Langkah ke semua 10 orang perwakilan UMNO Negeri Sembilan 'walk out' itu merupakan langkah berani, sekalipun majoriti ahli bersetuju menerima usul Majlis Tertinggi mengenai undang-undang kerakyatan itu. Ini berdasarkan persefahaman yang telah dicapai dengan MCA dan MIC dalam manifesto menghadapi pilihanraya umum 1955.

Sebelum malamnya Datuk Abdul Razak Hussein telah turun ke Seremban untuk mencari penyelesaian. Datuk Raja Abu Hanifah tetap dengan pendiriannya tidak menerima keputusan persidangan meluluskan undang-undang kerakyatan, sementara rakan-rakannya yang lain akur dengan keputusan majoriti.

Dengan keputusan itu Datuk Raja Abu Hanifah telah meninggalkan UMNO dalam tahun 1957. Di antara pengikutnya yang ikut sama keluar dalam tahun 1957 itu ialah setiausaha UMNO cawangan Kuala Klang Datuk Sati Laud bin Haji Ahmad. Datuk Raja Abu Hanifah kemudiannya menyertai PAS untuk meneruskan perjuangannya.

Dalam pilihanraya 1959, beliau bertanding atas tiket PAS di kerusi parlimen Tanah Merah di Kelantan. Datuk Raja Abu Hanifah menang, dan menjadi Ahli Dewan Rakyat dalam tahun 1959 itu. Perjuangan politik Datuk Raja Abu Hanifah memang penuh berliku. Menjelang pilihanraya 1964, beliau telah ditahan di bawah akta keselamatan dalam negeri

(ISA) kerana dikatakan terbabit dalam konfrantasi dengan Indonesia dan dituduh mahu menubuhkan kerajaan buangan di Karachi bersama Abdul Aziz Ishak (bekas menteri pertanian dan syarikat kerjasama) dan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako).

PERGOLAKAN MENTERI BESAR

Berbeza dengan sikap Datuk Raja Abu Hanifah, pemimpin UMNO dari Kuala Pilah, Muhd Idris bin Matsil lebih bersikap tenang dalam menghadapi apa jua pergolakan. Kematangan beliau dalam menerajui parti sejak dalam PERMENAS dapat meredakan pergolakan dalam UMNO Negeri Sembilan selepas mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya 1955.

Dalam kepimpinan UMNO Kuala Pilah, Idris Matsil merupakan ketua yang keempat, selepas Zainal Abidin bin Endot, Lokman Yusuff dan Heji Abdullah Hassan. Tetapi semenjak UMNO ditubuhkan di Kuala Pilah tahun 1947, Idris Matsil dipilih menjadi setiausahanya. Ini bermakna beliau memegang jawatan setiausaha kepada 3 orang ketua bahagian, sebelum beliau sendiri mengambil alih pucuk pimpinan UMNO di Kuala Pilah.

Sewaktu Bahaman Shamsuddin dipilih menjadi ketua perhubungan UMNO Negeri Sembilan tahun 1948, Idris Matsil hanya menjadi ahli jawatankuasa sahaja. Apabila Bahaman diperintahkan bertukar ke Teluk Intan, jawatan ketua perhubungan Negeri Sembilan diambil alih oleh Datuk Abdul Jalil Aminuddin. Setelah mencapai kemerdekaan ketua perhubungan UMNO Negeri Sembilan diserahkan kepada Idris Matsil pula.

Dalam tahun 1957 sewaktu berlaku krisis undang-undang kerakyatan Idris Matsil merupakan salah seorang perwakilan UMNO Negeri Sembilan. Di antara barisan pemimpin yang pernah menjadi ketua perhubungan UMNO Negeri Sembilan ialah:

1. Bahaman Shamsuddin (1948 -
2. Abdul Jalil Aminuddin (1955 - 1957)
3. Idris Matsil (1957 - 1959)

4. Muhammad bin Ujang (1959 -
5. Abdul Rahman Talib (1959 - 1964)
6. Senu Abdul Rahman (1964 - 1969)
7. Mansor Othman (1969 - 1978)
8. Rais Yatim (1978 - 1982)
9. Muhd Isa Abdul Samad (1982 -)

Abdul Rahman Talib dan Senu Abdul Rahman adalah wakil Majlis Tertinggi yang dilantik menjadi ketua perhubungan UMNO Negeri Sembilan bagi meredakan ketegangan dalam pucuk pimpinan, berikutan beberapa bahagian tidak bersetuju menteri besar ketika itu Dr Muhd Said Muhammad menjadi ketua perhubungan.

Mereka berdua bukanlah pemimpin dari Negeri Sembilan, tetapi terpaksa dibawa bagi membendung krisis kepemimpinan itu, ~~selepas~~ selepas Idris Matsil melepaskan jawatannya sebagai ketua perhubungan. Dalam pilihanraya 1955, Idris Matsil bertanding di kerusi Dewan Perundangan Persekutuan (sekarang Dewan Rakyat) di Negeri Sembilan Utara, tetapi dalam pilihanraya 1959 beliau dipilih bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Pilah.

Selaku ketua perhubungan UMNO, beliau adalah calon pilihan untuk menjadi menteri besar. Bagaimanapun sokongan ahli-ahli UMNO Negeri Sembilan terhadap kewibawaannya telah dipertikaikan oleh pucuk pimpinan pusat apabila beberapa hari sebelum penamaan calon, Dr Muhd Said telah dibawa bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri di Linggi.

Ketika ini ahli-ahli UMNO di Negeri Sembilan menganggap Dr Muhd Said samalah seperti 'calon payung terjun' yang hanya direstui oleh pucuk pimpinan pusat sahaja. Selepas kemenangan dalam pilihanraya 1959 itu berlaku pergolakan dalam kepemimpinan UMNO di Negeri Sembilan bagi menentukan jawatan menteri besar.

Ahli-ahli UMNO terutama di bahagian Kuala Pilah tetap mahukan ketua perhubungan negeri iaitu Idris Matsil. Di antara yang kuat men-

desak termasuklah Abdul Samad Idris, Ariffin Ali, Abdul Kadir Abdullah dan Taha Talib. Mereka tidak mempertikaikan Dr Muhd Said yang menjadi pilihan pucuk pimpinan pusat, tetapi kecewa dengan keputusan membelakangkan kedudukan ketua perhubungan.

Di negeri-negeri lain menteri besar dilantik di kalangan mereka yang menjadi ketua perhubungan seperti Ghazali Jawi di Perak, Abu Bakar Baginda di Selangor, Ghafar Baba di Melaka, Haji Hassan Yunus di Johor, Sneikh Ahmad Hashim di Perlis. Apabila pucuk pimpinan pusat tidak mahu menerima Idris Matsil ketua perhubungan UMNO Negeri Sembilan menjadi menteri besar tentulah melukekan hati ahli-ahli UMNO di Negeri Sembilan.

Perlantikan menteri besar dalam tahun 1959 memang menimbulkan pergolakan. Untuk beberapa ketika Muhammad bin Ujang yang menang bagi kerusi parlimen Jelebu-Jempol telah dipilih menjadi ketua perhubungan. Tetapi perlantikannya menjadi ketua perhubungan tidak juga mampu mengatasi pergolakan tersebut, setelah Dr Muhd Said dilantik menjadi menteri besar.

Idris Matsil dilantik menjadi exco di bawah pentadbiran Dr Muhd Said ini. Penyokong-penyokong Idris Matsil tidak mahu menerima menteri besar menjadi ketua perhubungan. Oleh itu perlantikan Muhammad Ujang memimpin UMNO Negeri Sembilan menjadi beban kepadanya, menyebabkan pucuk pimpinan pusat terpaksa mengadakan perjumpaan hati kehati.

Tun Abdul Razak telah menawarkan jawatan ketua perhubungan kepada Abdul Samad Idris, tetapi beliau terpaksa menolak disebabkan kedudukan tersebut boleh disalah anggap membelakangkan menteri besar. Demikian juga dengan Idris Matsil yang hanya menjadi exco tentulah tidak manis menerima perlantikan menjadi ketua perhubungan selagi menteri besar masih ada.

Majlis Tertinggi juga tidak dapat mengatasi pergolakan apabila ahli-ahli UMNO sendiri tidak mahu menteri besarnya menjadi ketua per-

hubungan. Ketika ini Abdul Samad Idris menduduki jawatan kuasa pilihanraya pusat yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak. Disebabkan mereka seringkali bertemu, Tun Abdul Razak telah merujuk kepada beliau mengenai masalah pergolakan UMNO di Negeri Sembilan itu.

Bagi mengelakkan keadaan serba salah di kalangan pemimpin lain yang tidak mahu dituduh membelakangkan menteri besar, Abdul Samad Idris mencadangkan sendiri kepada Tun Abdul Razak supaya ketua perhubungan negeri diserahkan kepada wakil Majlis Tertinggi, dengan menteri besar diletakkan sebagai timbalan ketua perhubungan. Tun Abdul Razak bersetuju dengan syor Abdul Samad Idris, dan keputusannya Abdul Rahman Talib dari Pahang yang juga menteri pelajaran menjadi ketua perhubungan UMNO Negeri Sembilan.

Selepas pilihanraya 1959 ini tiga negeri yang ketua perhubungannya tidak dilantik menjadi menteri besar. Di Kelantan dan di Terengganu UMNO tewas kepada PAS menyebabkan ketua perhubungannya gagal menjadi menteri besar. Bagaimanapun ketua perhubungan UMNO negeri Terengganu, Tan Sri Ibrahim Fikri berjaya menjadi menteri besar setelah setahun lebih sahaja kerajaan PAS memerintah.

Peristiwa kejatuhan kerajaan PAS di Terengganu dalam usul undi tidak percaya itu meletakkan kewibawaan Ibrahim Fikri selaku ketua perhubungan UMNO Terengganu lebih ketara daripada Daud Samad pesuruhjaya PAS negeri Terengganu yang menjadi besar ketika itu. Tetapi kedudukan di Negeri Sembilan amat berbeza apabila ketua perhubungannya tidak dilantik menjadi besar, setelah adanya calon 'payung terjun' yang ditetapkan oleh pucuk pimpinan pusat.

Dr Muhd Said ketika itu berusia 49 tahun, merupakan seorang pengamal perubatan, yang tidak dikenali ramai dalam kepimpinan UMNO Negeri Sembilan. Tetapi beliau mempunyai hubungan rapat dengan Tunku Abdul Rahman hingga meyakinkan pemimpin parti untuk meletakkan beliau

memimpin kerajaan negeri. Sekalipun ahli-ahli UMNO membantah ura-ura tersebut, tetapi Tunku tetap dengan pendiriannya mahukan Dr Muhd Said bertanding dalam pilihanraya 1959 itu.

Setelah Parti Perikatan berjaya memenangi Negeri Sembilan, ahli-ahli UMNO terus mendesak supaya ketua perhubungan negeri Muhd Idris Matsil dilantik menjadi menteri besar. Tetapi desakan ini tidak dihiraukan oleh Tunku, dan pucuk pimpinan pusat hanya menerima Dr Muhd Said sahaja.

Akibat daripada rasa tidak puas hati inilah pergolakan dalam perlantikan menteri besar berterusan. Muhd Idris menerima keputusan pucuk pimpinan pusat dengan menyokong perlantikan Dr Muhd Said menjadi menteri besar. Disebabkan beliau hanya dilantik menjadi exco, Muhd Idris juga keberatan untuk memegang jawatan ketua perhubungan itu.